

20/06/1998

5 veteran jadi penasihat

BEKAS Timbalan Presiden Umno, Tun Ghafar Baba, berkata lima nama sudah dicadangkan kepada parti bagi menganggotai Jawatankuasa Perundingan Veteran Umno untuk menasihati pucuk pimpinan parti mengenai pelbagai isu, termasuk ekonomi.

Mereka ialah Tan Sri Ghazali Shafie, Tan Sri Aishah Ghani, Tan Sri Abdul Samad Idris, Ibrahim Azmi serta Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusuf Nor, sebagai pegawai dari ibu pejabat dan beliau sendiri sebagai Pengerusi.

"Nama-nama itu sudah diberikan kepada Setiausaha Agung parti, Datuk Sabbaruddin Chik yang akan menyerahkannya kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," katanya ketika ditemui selepas perasmian Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini hari ini. Perhimpunan Agung Ke-52 itu dirasmikan Dr Mahathir.

Ghafar yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau yang memilih mereka untuk menganggotai jawatankuasa itu tanpa membabitkan Dr Mahathir.

Beliau juga menolak tanggapan sesetengah pihak veteran Umno diminta membantu Dr Mahathir dalam menyelesaikan masalah kegawatan ekonomi negara bagi membantunya mengekalkan jawatannya.

Malah, beliau berkata perjumpaan veteran Umno dengan Dr Mahathir pada 13 Jun lalu adalah atas inisiatif beliau sendiri dan bukan atas permintaan Perdana Menteri.

"Inisiatif itu datang dari saya, saya sanggup membantu kerajaan menangani kegawatan ekonomi tetapi saya tidak boleh melakukannya seorang diri dan saya fikir orang lama yang ada pengalaman, banyak masa dan tidak ada kerja boleh membantu," katanya.

Menurutnya, beliau yang menjemput Perdana Menteri hadir dan menjelaskan dasar kerajaan supaya memberi panduan kepada veteran.

Pada perjumpaan itu kira-kira 300 veteran Umno diberi penerangan mengenai masalah ekonomi yang melanda negara supaya mereka boleh membantu menjelaskannya kepada orang ramai.

(END)